

**Puisi**  
**Rizi S.S.**

**Pujaanku di Paju: Terpukau di Bandar Buku**

**I**  
Semakin gembira  
menghampiri bandar destinasi  
dari jauh terpancang barisan bangunan  
terkait saja kepada buku

**II**  
Terpegun  
melihat papan tanda:  
Forest of Wisdom 1, 2, 3  
kantukku disorongkan bantal  
asyik mempersiapkan *Encyclopedia of Wisdom*  
tajaan Universiti Islam Malaysia

**III**  
Karya mempesonakan daku  
*Immitating and Innovating*  
gimana Lu Jingren  
tokoh pengasah pematang bakat  
komuniti rekabentuk  
sejumlah anak didik mengetuai  
arena rekabentuk perbukuan Cina

Biar kebanyakan dalam bahasa Korea  
*The World's Beautiful Bookstore*  
sumber maklumat penting  
tumpuan dan koleksi khususku  
perihal buku, perpustakaan, toko buku

*The Story of Paju Bookcity*  
menggilagilakan daku di sini  
terbaca di halaman  
terpancang di hadapan

**IV**  
Itulah  
Bandar Buku Paju  
saksikan  
aneka stor buku

kafe buku  
kedai kesenian  
galeri jua muzium

Bandar Buku  
tempat insan  
ribuan buku dan alam semula jadi  
berhubung dan menggabungkan  
peranan dan fungsi bandar:

Bandar kemanusiaan  
jua semangat kemasyarakatan  
bandar buku  
bandar seni bina  
bandar budaya dan penyembuhan  
bandar pendidikan

## V

Ruang perpustakaan  
luas buku dipamerkan  
di rak-lekat-dinding  
dari bawah ke atas siling

Ada sudut rak  
berpapan tanda merah  
tertera nama sarjana Korea  
diawali gelaran khas ilmuwan  
bidang tekunannya selama ini  
nama universiti dikhidmati  
di sana tersusunlah  
segala karya sarjana  
sayang! tiada foto cendekiawan

Tergesa kucari tokoh  
bergelar kesarjanaan  
sehampir bidangku  
itulah Kim, Yearn-Ho / Profesor Emeritus  
di Chonbuk National University /  
Sastera Inggeris

Idea begini hebat sekali  
diwujudkan di negara tercinta  
Perpustakaan Negara Malaysia  
atau perpustakaan universiti  
ada sudut khas begini  
moga-moga!

VI  
Aku teruja  
pujaanku di Paju  
menebalkan semangat ilmiah  
jangan luntur  
ke hujung hayat.

Bandar Buku 'Paju' (BBP)  
Korea Selatan  
28 Januari 2018

### Senandung Kita Beraja di Perak

#### I

Syukur tak terhingga  
menjalani hidup dipayungi  
Islam dan peradabannya.

Tertakdir  
bangsa kita tidak mengecil  
peranan dan sumbangan.

#### II

Dunia Islam dihiasi  
pelbagai asas pengisian tamadun  
usah diabai perbandingan sihat.

Terukir dalam persuratan  
ulas tuntas sarjana ilmuwan  
hubungan erat atas-bawah pemerintah-diperintah.

Tamadun Arab menawarkan  
*Kitāb al-Tāj, Kitāb al-Sultān, al-'Iqd al-Farīd,*  
*al-Aḥkām al-Sulṭānīyah, Kitāb Baghdād,*  
*Kitāb al-Maḥāsin wa al-Masāwi',*  
*al-Tibr al-Masbūq fī Naṣīḥat al-Mulūk.*

Sajian cendekiawan-sasterawan Parsi tak terpinggir  
tersema dalam akal budi  
catatan *Shāh-Nāma, Siyāsat-Nāma* jua *Qābus-Nāma.*

Usah dilupa  
turut disumbangkan pemikiran Turki  
seawal *Kutadgu Bilig.*

Khazanah berlian ini dihayatinilai  
tentu ada positif-negatif betul-salahnya  
pertimbangan sihat dan tuntas diutamakan.

### III

Mari kita takhtakan paksi agung ini:  
“Agama itu nasihat” pesan Junjungan kita  
pabila diamalkan  
raja-rakyat hormatmesra mengikat kaitan.

Dalam *Mafākhir al-Mulūk* terakamlah  
“Zamanmu tercorak dek suasana sultanmu  
baik sultanmu  
cantiklah zamanmu  
rosak sultanmu  
binasalah zamanmu!”

*al-Kabīr* dan *al-Aṣwāt* menceriterakan kutipan Hadith  
bahan renungan Imam al-Ṭabrānī  
“Usah kaucerca pemimpin  
doakan pula perkara kebajikan  
baik mereka  
kebaikanmu jua!”

al-Suyūṭī meriwayat Hadith  
“Sultanlah  
naungan Ilahi di bumi  
sesiapa hamba ‘tau rakyat  
teraniaya  
berlindung kepada baginda.  
Raja adil  
baginda diganjari pahala  
rakyat perlu bersyukur.  
Raja curang ‘tau zalim  
berdosa  
rakyat bersabarlah.  
....”

Menggamit tokoh teladan terkenal  
lantas Al-Ghazali berbisik:  
“Alam ini  
ruang bercucuk tanam  
demi akhirat  
tak sempurna agama

kecuali adanya dunia  
raja-agama  
bak anak kembar  
agama itulah asal dan akar  
rajalah pengawalnya  
apa saja tak berasal dan akar umbi  
robohnya pasti  
apa pun tak berpengawal  
tentu hilang.  
Kerajaan jua kepastianhukum  
cacatcela  
sempurnalah ia di tangan sultan.  
Kepastianhukum lorong penyelesaian  
ehwal pemerintahan  
asal bersenjata keris fikah.”

Hadith lagi menegaskan  
“Insan  
paling dikasihi Ilahi  
terdekat pada Allah  
hari kiamat nanti  
itulah ketua negara adil  
tika itu jua  
manusia paling dimurkai  
terdahsyat seksanya  
ketua negara zalim.”

#### IV

Hubungan mesra kita dan Parsi  
erat lama terjalin

kata biasa terkutip sama:  
cogan, cokmar, istana, mohor,  
padisyah, pahlawan, takhta.

Gelar utama dan pasti

Shah selepas nama raja:  
kita berbangga: Sultan Nazrin Shah  
di sana terdengar: Sultan Nāder Shah  
sebelum nama raja  
sekadar nama bandar: Shah Alam  
di sana terbaca: Shah ‘Abbās

kita mengutamakan gelar tertinggi-hormat:  
Duli Yang Maha Mulia  
mereka melafazkan: *A‘lā Ḥadhrat*.

Akar yang sama

bersinarlah matafikir  
bergemalah fikirbernas  
pujangga prihatin  
Syeikh Sa'dī  
kutipan sajak terukir  
di pusara insan di Aceh sana  
itulah jua  
bukti awal hubungan Melayu-Parsi.

Bermadahlah ia dalam *Būstān* nya:

Rakyat bak akar – **Sultan** bagaikan pohon  
Pohon duhai anakku! Teguh berpaut pada akar  
Sedapat mungkin, usah kausakiti hati rakyatmu  
Pabila kaulukai, kaucabut akarmu.  
Haramlah **Raja** tidur melena  
Sedang si gagah menindas si lemah  
Jika raja tidur nyenyak di takhta  
Tak kubayangkan si miskin tidur nyaman.

Muliakan perwira tika tenang senang  
Pabila susah derita kau dibantu  
Dua golongan, perhatikan duhai **Raja!**  
Tokoh perang dan cendekiawan.  
Mercu negara di tangan pembesar  
Mengawas ulama jua wira  
Tak melaksanakan pena dan pedang  
Jika mati, usah bersedih, jangan menyesal!

## V

Empayar Osmaniah  
mewariskan sejarah  
1453 Istanbul ditakluk  
oleh raja-pahlawan-agamawan  
Sultan Fatih Mehmet  
amat mengagum, mengesankan  
24 orang Sultan seempayar ini  
22 ahli tarekat  
usah dihairan tika terlihat  
pusara di Istanbul  
batu nisan bertanda  
lambang tarekat ikutan  
jauh sekali  
berasa gentar biar di sebelah  
berbual menikmati juadah

VI

Di Alam Melayu apa kurangnya  
para sultan soleh setiap abad  
Hasanuddin Yusof alumni SIS ku  
menyajikan *Sultan-sultan Soleh di Nusantara*  
Sultan Iskandar Shah Perak  
gelaran semesranya: Sultan Yang Tawaduk.

Duhai sultan yang kami sanjung  
saban tahun diulangi  
hari keputeraan pertabalan  
tak jemu dan bosan  
mendoakan  
bahagia dan termulia  
kini dan di sini; jua  
nanti dan di sana.  
Amin!!!

Pejabat Profesor Emeritus  
FBK, UPSI  
Tanjong Malim.  
Ogos 2018 / Zulhijah 1439

**SURATAN:  
DEMIKIAN SEORANG FIKRIAH  
SEORANG SARAH**

Terakhir 1442 hari ini  
gembiraku menyajikan  
prawacana seantologi puisi  
*Pesona Hati Raikan Cinta*

Keternantian berita  
permata seni Siti Sarah  
hari ini sampai noktahnya  
kautinggalkan keluarga tersayang selamanya

Berita ini dan catatan sehari-hari  
aku terharu  
terheret bandingan suratan  
takdir ditetapkan

30 tahun dulu isteri tercinta pergi  
F diduga sawan – pendarahan  
S serangan COVID – 19

Pergimu F sekadar dua jam  
hidup bersama puteri kelahiran  
zuriat ketiga  
pergimu S sekadar tiga hari  
hidup bersama putera bedah-lahir  
zuriat keempat

Demikian setempoh izin Tuhan  
menjalani hidup bahagia berkeluarga  
kami sekadar tujuh tahun  
kau sepuluh tahun

S kaulahir tahun sama  
puteri pertama Firuz Akhtar  
terawal tiga minggu saja  
1984

Tersaksi van jenazah  
dari HUKM ke pusara Gombak  
betapa suram wajah  
Shuib Sepahtu suami setia  
dalam van pengiring terasing

Aku bersama jenazah  
dalam van



Hospital Klang ke Alor Setar  
5 petang ke 3 pagi

Mencurah berita dan ulasan  
kebaikan S selama ini  
pusingan U menjadi teladan

Puteri kami diawasi seminggu dua  
puteramu masih dalam inkubator  
mereka ditatang  
minyak yang penuh

Berita kepergianmu S  
melata ke serata dunia  
timur dan barat  
solat jenazah ghaib di Makkah

Berita kepergian F  
di pejabat lama Pulau Pinang  
pegawai perubatan tinggi  
masih merendah hati  
ada pembantu meraung terisak  
terkejut sedih  
terdengar berita

35 tahun cuma  
F dipinjamkan  
37 tahun cuma  
S dipinjamkan  
abadilah kalian di sana  
doa: hasanah selamanya

Di Taj Fikriah, BB Bangi  
30 Zulhijah 1442 – 4 Muharam 1443  
= 9 – 13 Ogos 2021

**Biodata Penulis:**

**Rizi S.S.**

Nama sebenar bagi Mohamad Bohari Ahmad. Penyair kelahiran Makkah al-Mukarramah pada 16 Ogos 1953. Memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dari University of California, Berkeley dalam bidang perbandingan sastera Sufi Arab, Parsi dan Turki. Pernah berkhidmat awal di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Penerima pelbagai anugerah sastera antaranya Anugerah Ilmuwan Negeri Darul Ridzuan (2022), Anugerah Karyawan Sepanjang Hayat Perak (2016) dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia (Esei / Kritikan Sastera) (1998/1999). Antara karyanya ialah *The Ocean of Unity: Wahdat al-Wujud in Persian, Turkish and Malay Poetry* (DBP, 1993), *Adab dalam Kegiatan Kesusasteraan Islami Bandingan* (UPSI, 2019) dan *Telaah Khazanah Sastera Turki* (UPSI, 2021). Terkini beliau merupakan Profesor Emeritus Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim, Perak.